



Fokus


Majlis Perwakilan Pelajar KUKUM (MPPKUKUM) telah menganjurkan Hari Terbuka KUKUM 04 pada 6 hingga 8 Februari 2004 yang lalu, bertempat di Kolej kediaman KUKUM Kampung Wai, Kuala Perlis. Acara ini merupakan julung-julung kali diadakan dan diuruskan oleh MPPKUKUM serta dibantu oleh pelajar dan kakitangan KUKUM.

Program hari terbuka ini telah dirasmikan oleh Yg. Berhormat En. Bakar bin Saad. Adun Kuala Perlis dan di antara tetamu kehormat yang hadir pada majlis itu ialah Yg. Bhg. Rektor KUKUM, Pegawai-Pegawai Utama dan Ketua-Ketua Jabatan KUKUM. Pada majlis perasmian yang sama juga, Yg. Berhormat En. Bakar telah melancarkan tabung derma 'Masih Ada Yang Sayang' anjuran MPPKUKUM bertujuan untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Urusetia program telah memilih slogan 'Masih Ada Yang Sayang' sebagai tema Hari Terbuka KUKUM pada tahun ini dan hari terbuka ini berkonsepkan 'berniaga sambil menyumbang'. Lebih 50 gerai jualan dan pameran mengambil bahagian dalam program hari terbuka ini. Urusetia telah menyusun pelbagai aktiviti menarik di sepanjang tempoh program tersebut berlangsung. Diantara aktiviti menarik yang dijalankan ialah pertandingan Battle of the Band, persembahan kebudayaan pelajar, pertandingan seni kreatif, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, pertandingan memasak dan cyberwar. Sambutan orang ramai terhadap program-program yang dijalankan amat menggalakkan.

Pelawak terkenal negara, Abon telah diundang khas untuk mengacarakan segala aktiviti yang dijalankan disepanjang program Hari Keluarga tersebut dan orang ramai telah terhibur dengan telatah lawak jenaka Abon yang sentiasa mencuit hati.

Majlis perasmian penutup Hari Terbuka KUKUM ini telah disempurnakan oleh Lt. Kol. Prof Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM. Didalam ucapan penutup, Y. bhg. Prof. mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak urusetia program iaitu MPPKUKUM kerana berjaya menganjurkan program hari terbuka ini dengan jayanya. Beliau berharap agar aktiviti sebegini dapat dianjurkan lagi dimasa yang akan datang demi mengeratkan lagi hubungan warga KUKUM dan masyarakat.



Oleh : Muhammad Najib Othman

Hari Terbuka KUKUM 2004

